


Jurnal Inspirasi Seni Intelektual

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Julai 2019

ISSN : 2637-0115



Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran

Rekabentuk Kearah Inovasi

*Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris*

Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio Budaya: A' Famosa, Melaka

*Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD)
& Azahar Harun (PhD)*

Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk Masjid Tengker Melaka

*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru dalam Fotografi

Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekorasi Wanita Tempatan

*Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi 'Pertarungan Hang Tuah dan Cin Cu'

Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrin Effendi

Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : "Uniti-Keris"

Rosli Zakaria (PhD)

Buku Kerja atau "Workbook" Lakaran Idea Pelajar

*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

'Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop

Azahari Haji Khalip

Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu Pada Tahun 2009 Hingga 2014

*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

Zunar dan Kartun

*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)*

Modul Asas Pembuatan Sandal

Ibrahim Othman




Foto oleh:
Wan Nur Khalisah Shamsudin

Jurnal
Inspirasi Seni Intelektual
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka
Julai 2019
ISSN : 2637-0115



Copyright 2019 by Faculty of Art & Design (FSSR)
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000
Alor Gajah, Melaka.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbitan FSSR, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system without permission in writing from the Penerbit FSSR, UiTM Cawangan Melaka.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
(FSSR),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
MELAKA,
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,
MELAKA, MALAYSIA
Tel : +606 558 2000.

Atur Huruf oleh / Typeset by
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Nurkhazilah Idris

Reka bentuk kulit dan buku oleh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
E-mail : wnkhalisah@gmail.com

Ahli Jawatankuasa Jurnal
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Wan Nur Ayuni Wan Mohd Zain
Shafirah Shaari
Nurkhazilah Idris

Penerbitan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Penaung

Prof Madya Datuk Sabariah Hj Mahat
Prof Madya Dr Ismadi Badarudin
Prof Madya Dr Shafinar Ismail

Penasihat

Prof Madya Dr Azahar Harun

Ketua Editor

Dr Liza Marziana Mohammad Noh

Editor

Wan Nur Khalisah Shamsudin
Nurkhazilah Idris

Pereka Grafik

Wan Nur Khalisah Shamsudin

Reviewer

Prof Madya Dr Azahar Harun
Dr Rosli zakaria
Dr Nadzri Mohd Sharif
Dr Haslinda Abd Razak
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Dr Sharmiza Abu Hassan

Prakata

Bismillahirraahmaniraahim.
Assalamualaikum WB.T.

Setelah tertangguh selama hampir setahun, akhirnya Jurnal ISI (INSPIRASI, SENI, INTELEKTUAL) keluaran kedua dapat diterbitkan. Penangguhan ini berlaku kerana kami menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makalah daripada penyumbang meskipun jurnal ini hanya diterbitkan sekali setahun.

Namun begitu, walauapapun kekangannya, kami selaku Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jurnal tetap akan berusaha untuk menerbitkan sebuah jurnal secara berterusan demi mewujudkan tamadun ilmu seni yang merangkumi teori dan praktis seni dan budaya. Pastinya kelangsungan dan keunggulan jurnal ini amat bergantung kepada penyumbang-penyumbang makalah yang terdiri dari ahli cendiakiawan dan sarjana seni dan budaya yang menyajikan pelbagai ilmu kepada anak bangsa kita. Penerbitan seperti ini harus dilakukan sebagai rujukan untuk peminat dan pengkaji seni supaya mereka dapat menyambung usaha dalam melestarikan ilmu-ilmu seni dan budaya kepada masyarakat.

Jurnal ISI ini membicarakan isu dan pemikiran dalam bidang-bidang kesenian berdasarkan penyelidikan akademik. Oleh itu, jurnal ini merupakan wadah penyampaian dalam membincangkan teori dan praktis seni daripada pelbagai disiplin atau pendekatan seni berdasarkan kajian atau penyelidikan secara berilmiah.

Sesungguhnya, penerbitan jurnal ini membuktikan iltizam Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Melaka untuk terus memainkan peranannya dalam mengembangkan perkembangan intelektual kesenian di Malaysia dan seterusnya merangsangkan wacana ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Oleh

Dr. Liza Marziana Mohammad Noh

Ketua Editor

Jurnal Inspirasi, Seni, Intelektual

Isi Kandungan

i Prakata

ii Isi Kandungan

1 **Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran
Rekabentuk Kearah Inovasi**
Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris

11 **Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai
Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio-Budaya: A' Famosa, Melaka**
Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD) & Azahar Harun (PhD)

16 **Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk
Masjid Tengker Melaka**
*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

26 **Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru
dalam Fotografi**
Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

34 **Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan**
*Liza Marziana Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

44 **Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat
Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi ‘Pertarungan
Hang Tuah dan Cin Cu’**
Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrein Effendi

53 **Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : “Uniti-Keris”**
Rosli Zakaria (PhD)

64 **Buku Kerja atau ‘Workbook’ Lakaran Idea Pelajar**
*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

71 **‘Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop**
Azahari Khalip

81 **Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu
Pada Tahun 2009 Hingga 2014**
*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

96 **Zunar dan Kartun**
*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)*

105 **Modul Asas Pembuatan Sandal**
Ibrahim Othman



Zunar dan Kartun

Noorhazalen Saad

Shaliza Dasuki

Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)

Abstrak

Kartun dan politik sering menjadi isu yang selalu dimainkan oleh kartunis bagi mengkritik pemimpin dan kerajaan. Kajian ini lebih menjurus secara am perkembangan kartunis politik paling prolifik di Malaysia iaitu Zunar atau nama sebenarnya Zulkiflee bin S.M. Anwar Haque. Zunar menerima anugerah tertinggi dalam bidang kartun di peringkat antarabangsa, namun dalam masa yang sama kartunnya diharamkan di Malaysia pada tahun 2009 sehingga Mei 2018. Walaupun Zunar melalui pengalaman pahit ditangkap polis, disumbat dalam lokap dan kebanyakan buku kartunnya dirampas pihak berkuasa namun Zunar tetap dengan perjuangannya '...Even My Pen Has A Stand!'. Penulis menyelongkar kronologi kerjaya Zunar sejak awal Zunar berkecimpung dalam bidang kartun sehinggalah peralihan karya-karyanya yang bertemakan sosio-politik Malaysia selepas Reformasi. Kartun Zunar berjaya menyebarkan mesej dan propaganda dengan mengkritik kerajaan dan membongkar salah laku pemimpin tertinggi kerajaan dalam bentuk yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Kartun Zunar disampaikan dalam bentuk gaya visual yang ringkas, padat serta mengandungi unsur humor yang menarik. Ternyata karya-karya Zunar menyumbang ke arah penambahbaikan dalam dunia kartun dan memeriahkan lagi khazanah kartun politik negara.

Kata kunci : Zunar, kartun politik, kartun editorial, karikatur.

Pengenalan

Latar Belakang Sejarah Kartun Editorial Tanah Melayu

Karya seni kartun telah bertapak di Malaysia semenjak 1930-an melalui penerbitan kartun-kartun editorial dalam beberapa akhbar tempatan seperti Warta Jenaka, Utusan Zaman dan Majlis. Kartun-kartun ini adalah sebahagian daripada luahan rasa, kritikan dan teguran orang-orang Melayu kepada pembaca-pembaca Melayu yang lainnya tentang masalah sosio-budaya yang melanda pada zaman itu yang menjadi punca kemunduran orang-orang Melayu seperti kemalasan, suka berhutang, taksub kepada pengaruh pemodenan kebaratan yang menghilangkan identiti diri sendiri, tidak mampu berdikari dan banyak isu yang lainnya. Melalui akhbar-akhbar ini, termasuk juga penerbitan kartun yang bersifat menyentuh politik Tanah Melayu, secara jelasnya melalui imej-imej parti United Malay National Organisation atau UMNO sebagai cara menyedarkan dan membangkitkan semangat patriotik orang-orang Melayu untuk sama-sama menuntut kemerdekaan tanah air daripada panjajah British.

Kartun boleh dikelaskan kepada beberapa jenis berdasarkan cara penghasilan dan cara ia diterbitkan. Kartun yang diterbitkan dalam akhbar dikenali sebagai kartun editorial dan kartun lerang. Penerbitan-penerbitan secara khusus pula menghasilkan kartun dalam bentuk majalah dan buku-buku komik yang dikenali sebagai novel grafik, manakala penerbitan dalam bentuk produksi kartun menghasilkan bentuk animasi 2-dimensi atau 3-dimensi khusus untuk penayangan di kaca televisyen atau panggung wayang

yang merupakan industri kreatif popular masa-kini (Mulyadi Mahamood, 2010). Kartun merupakan karya lukisan yang mempunyai elemen garisan dan rupa yang sengaja dilebih-lebihkan (*exaggeration*) dengan tujuan menciptakan sensasi kelucuan. Kadar banding figuranya diabaikan dengan melukiskan rupa (*shape*) yang diolah dan dipermudahkan tanpa bentuk (*form, value*) yang jelas. Kebanyakan kartun editorial dan lerang, dihasilkan tanpa warna dan ruang perspektif yang terhad.

Kaedah Penghayatan Kartun

Penumpuan penghayatan karya dan gaya kartun Zunar banyak dilihat dari aspek sejarah kronologi kerjaya beliau sejak mula-mula berkecimpung dalam bidang melukis kartun sehinggalah peralihan karya-karya beliau yang bertemakan sosio-politik Malaysia. Kemuncak perubahan gaya dan tema kartun-kartun beliau seiring dengan ledakan perubahan sosio-politik Melayu dan arus reformasi sekitar lewat 1990-an. Dalam proses apresiasi seni, penumpuan dalam penulisan ini adalah penterjemahan tema kartun Zunar berdasarkan dua konteks penting iaitu, sosio-budaya dan sosio-politik tempatan yang menjurus kepada orang-orang Melayu.

Latar Belakang Zunar

Zunar dilahirkan pada 15 Mei 1962 di Kampung Padang Durian, Pendang Kedah. Beliau mula melukis kartun sejak zaman persekolahannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Durian, Pendang, Kedah. Kartunnya pertama telah diterbitkan dalam majalah Bambino pada tahun 1974 ketika beliau bersekolah rendah pada Darjah 5. Bertitik tolak daripada majalah itu, beliau terus cemerlang dan

bergiat aktif sehingga kartun beliau diterbitkan dalam majalah seperti Anak Kijang dan Pak Adil (1975). Beliau tidak mendapat sebarang bayaran untuk kartun-kartun tersebut, tetapi beliau mendapat salinan percuma daripada penerbit majalah dengan nota 'Dengan Ingatan Tulus Ikhlas...' dan 'Dengan pujian terbaik dari...'. Nota-nota tersebut sudah cukup membuatkan beliau gembira dan menunjukkan majalah tersebut ke seluruh kampung. Zunar pernah dipanggil oleh lembaga disiplin sekolah pada tahun 1980 kerana karya satira dalam majalah sekolah telah menimbulkan kontroversi. Karya satira tersebut adalah 'Tom Tombak' yang bermotifkan kritikan terhadap pihak sekolah dan guru-guru (Zunar, 2011).



Gambar 1 : Kartun Anak Kijang oleh Zunar pada tahun 1975.

Dalam berkarya dalam bidang kartun politik, Zunar berpegang kepada beberapa prinsip antaranya, 'Mengapa mahu mencubit apabila kita boleh menumbuk' dan 'Bagaimana saya boleh menjadi berkecuali, sedangkan pen saya pun ada pendiriannya'. Zunar atau nama penuhnya Zulkiflee Bin S.M Anwar Haque ialah satu-satunya kartunis politik yang berpengaruh di Malaysia sejak dahulu lagi (Mariam, 2013). Dr. Robert Russell Executive

Director of Cartoonists Rights Network International, CRNI: 2011) menyatakan:

'Zunar's Cartoons are exactly what they should be, well drawn and politically brave and powerful. I wish more cartoonists had the courage he has'

'Kartun Zunar adalah apa yang masyarakat perlu, lukisan yang baik dan keberanian politik dan kuasa. Saya ingin lebih ramai kartunis mempunyai keberanian seperti beliau'

Antara peribadi unggul beliau adalah lantang bersuara tidak kira masa dan tempat. Berbekalkan fikiran yang tajam, kritikal dan berani untuk menyatakan dan mempertahankan pendapat sendiri, beliau dengan penuh yakin mencabar beberapa ahli panel yang telah mentafsir karya beliau secara salah. Mereka itu terdiri daripada golongan pelajar dan professional Malaysia dari London School of Economics (Mariam, 2013).

Zunar berani memperjuangkan isu sosio-budaya dan sosio-politik negara yang mencabar pada masa itu. Bermula daripada mengakses sumber-sumber dari pelbagai sudut, membaca laporan akhbar, dan mencari orang yang mempunyai maklumat secara peribadi mengenai isu-isu semasa, beliau banyak meluangkan masa menghadiri sesi perbicaraan di mahkamah dan menyertai demonstrasi atau aktiviti NGO yang berlandaskan kepentingan rakyat. Zunar akan melukis pendiriannya mengenai sesuatu isu politik yang menarik perhatian beliau yang juga akan menjadi perhatian rakyat Malaysia menerusi kartun (Mariam, 2013, Rewcastle, 2012). Keteguhan pendirian Zunar sebagai seorang kartunis yang

memperjuangkan keadilan ketika menyampaikan sesuatu mesej melalui kartun. Selepas ditahan dibawah Akta Hasutan, Zunar berani menyaman kerajaan Malaysia. Pada tahun 2012, Mahkamah Tinggi memutuskan yang penangkapan Zunar adalah sah tetapi rampasan ke atas buku-buku beliau adalah tidak wajar. Justeru, peristiwa penangkapan ini jelas membuktikan Zunar adalah seorang kartunis yang mempunyai pendirian yang mantap dan kukuh (Clare, 2012).

Dalam teknik berkarya, Zunar menggunakan banyak gaya, antaranya adalah melalui pendekatan kartun cara barat kerana pendekatan gaya Amerika dalam teknik lukisan kartunnya akan terus fokus kepada subjek. Kelebihan gaya ini, ia boleh dibaca oleh kanak-kanak seusia 15 tahun hingga segenap usia warga emas. Subjek yang dimaksudkan adalah gaya karikatur yang mempunyai karektor seseorang yang sengaja dilebih-lebihkan seperti berhidung besar, bergigi jongang, dan sebagainya. Secara ringkasnya, subjek sebegini memberikan daya penarik dalam menampilkan ciri-ciri kelucuan pada lukisan kartun beliau (Amir Muhammad, 2014).

Selain daripada pendekatan gaya barat, Zunar juga cenderung kearah penggunaan gaya kartun editorial, iaitu sama dengan gaya Mike Peters dan Frank Camusso. Zunar adalah seorang kartunis yang sentiasa tegas dengan pendirian beliau iaitu menggunakan lukisan untuk menyindir masyarakat dalam karya beliau. Sebagai contoh, karya "Office Corner" merupakan sindiran menggigit pada kakitangan pejabat yang malas di tempat kerja.

Penglibatan Awal Zunar Dalam Dunia Kartun

i. Era Majalah Kartun *Gila-Gila*

Tanggal 1 Februari 1980 kartun Zunar disiarkan dalam majalah *Gila-Gila* melalui ruangan "*Mekar di GG*", ia merupakan satu ruangan untuk bakat-bakat baru. Setelah 2 tahun berkarya, beliau mendapat pekerjaan sebagai juruteknik makmal dalam kerajaan. Pada masa itu, beliau menjadi lebih aktif sebagai kartunis kerana karya-karya beliau kerap disiarkan dalam majalah *Gila-Gila* serta majalah-majalah komik yang lain seperti *Gelihati*, *Kisah Cinta*, *Panorama*, *Salina*, *Bujal* dan *Lagu-Lagu Filem*. Ketika menjadi resident kartunis dengan majalah *Gila-Gila*, beliau menjadi rapat dengan kartunis Rejabhad kerana Rejabhad merupakan orang yang telah banyak membimbing beliau dalam seni kartun. "Mentor saya dalam bidang kartun adalah Allahyarham Rejabhad", ujar Zunar (17 April 2018).



Gambar 2 : Kartun Pertama Zunar di Majalah *Gila-Gila* 1 Febuari 1980.

Pada tahun 1986, beliau telah berhenti kerja di jabatan kerajaan untuk menjadi kartunis sepenuh masa Majalah *Gila-Gila* (GG). Beliau juga telah diberikan satu ruangan tetap dalam majalah

tersebut, iaitu “Gebang-Gebang”. Ruangannya merupakan titik permulaan bagi kartun berbentuk sindiran dan kartun bertemakan politik. Disebabkan kredibiliti beliau yang mudah mendapat perhatian pembaca, beliau diberi ruang tambahan, “Ofis Corner” dan “Liza”. Ilustrator terkenal seperti Jaafar Taib dan Azman Yusof banyak memberi peluang pada Zunar untuk mengembangkan bakat melalui Majalah Gila-Gila. Manakala kartunis-kartunis lain seperti Zainal Buang Hussein, Mishar, Don, Tazidi, Long, Kerengga, Cabai dan ramai lagi kartunis GG pada masa itu adalah rakan kartunis Zunar.

ii. Era Kartun Lerang Berita Harian

Karya kartun politik Zunar yang bermula dengan penerbitan di ruangan Majalah Gila-Gila, “Section Panaurama” dan setelah hampir dua tahun melukis di ruangan ini, beliau berpendapat bahawa ruangannya tersebut tidak mencapai sasaran pembaca dan objektif kartun itu sendiri kerana menyedari kebanyakan pembaca Gila-Gila ialah golongan remaja yang tidak berminat dalam politik.

Sebagai langkah pembaharuan dan meningkatkan lagi kerjayanya, maka, pada tahun 1991, Zunar mengurangkan aktiviti melukis kartun di majalah Gila-Gila untuk mula memberi tumpuan sebagai kartunis di akhbar Berita Harian. Beliau juga diberikan kerja sampingan sebagai pereka grafik, namun kerja itu tidak sesuai dengan beliau. Selepas enam bulan, beliau meletakkan jawatan, tetapi masih terus menyumbangkan nukilan kartun secara sambilan kepada akhbar tersebut (Karya Zunar di BH 1989-1993).

Setelah empat tahun bersama Berita Harian akhirnya pada 1996, Zunar meninggalkan Berita Harian kerana

merasakan gagal dalam mengejar objektif sebenar kartunnya. Karya kartunnya sering ditapis dan ditolak oleh editor. Beliau mengambil keputusan untuk mula bergerak sebagai kartunis bebas dan melakukan kerja-kerja lain seperti ilustrasi, pemasaran, bengkel kartun, pengurusan acara dan menulis skrip untuk media.

iii. Era Reformasi: Kartun Bertemakan Sosio-Politik

Tahun 1998, menjadi titik sejarah dan arus perubahan politik Malaysia kerana negara telah digemparkan dengan berita pemecatan Anwar Ibrahim daripada jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia, atas tuduhan meliwat (Utusan Malaysia: September 1998). Rentetan dari peristiwa tersebut telah memulakan gerakan reformasi iaitu kebangkitan rakyat menjalankan demonstrasi secara besar-besaran untuk menuntut agar Anwar Ibrahim diberi keadilan dan dibebaskan. Peristiwa ini juga menyaksikan kemunculan ramai tokoh politik muda dan parti politik baru yang berkonsepkan keadilan kepada rakyat (4 April 1999).

Personaliti dan pemerhatian Zunar yang gemar mengkritik melalui kartunnya mencetuskan kehairahan beliau untuk menghentam kerajaan menggunakan isu pemecatan Anwar Ibrahim. Maka, lahirlah karya kartun Zunar yang bersifat keras, dan tajam memberi kritikan sinikal kepada pemimpin-pemimpin korupsi melalui pelbagai media. Zunar sentiasa mengikuti perkembangan semasa pergolakan politik dan mengedarkan karya-karya beliau secara percuma di rumah Anwar Ibrahim di Bukit Damansara yang pada masa itu telah diadakan ceramah pada setiap malam sebelum ahli politik itu ditangkap dan dihadapkan ke

mahkamah (Utusan Online: 20 Sept 1998).

iv. Harakah

Keaktifan beliau yang konsisten dalam menghasilkan karya kartun bersifat kritis dan sinikal, seorang rakan Zunar telah mencadangkan agar beliau menghantar hasil lukisan kartunnya ke akhbar *Harakah*. Setelah Zunar menghantar karya kartunnya ke akhbar tersebut, beliau telah dihubungi sendiri oleh pengarangnya, Zulkifli Sulong setelah mendapat maklum balas yang positif daripada pembaca-pembaca akhbar *Harakah*. Walaupun bayaran yang diterimanya lebih rendah daripada akhbar arus perdana, tetapi Zunar sangat berpuas hati kerana beliau akhirnya mencapai apa yang dicita-citakannya dalam mencapai objektif kebebasan berkarya. Melalui akhbar ini, beliau akhirnya bebas berkarya dan meluahkan ekspersi jiwanya melalui kartun tanpa sekatan dan had.


Berdasarkan maklum balas daripada pembaca-pembaca akhbar ini, ramai yang meminati karya beliau yang memfokuskan karikatur Perdana Menteri (PM) pada ketika itu, iaitu Mahathir Mohamad. Karya kartun Zunar memberi sindiran sinis dengan menggambarkan secara karikatur memberi penekanan pada karektor hidung PM yang sengaja dibesarkan. Walaupun dikritik hebat, Zunar tetap mempertahankan karya beliau kerana hanya melalui kartun sahaja beliau berjaya merealisasikan objektif berkarya yang ingin disampaikan.

Terdapat 5 koleksi kartun Zunar di akhbar *Harakah* yang diterbitkan, antaranya '*Dari Kerana Mata*', '*Krooni Mania*', '*Lawan Tetap Lawan: Miniature Istana Pak Mahat*', '*Kerana Mu Hidung*', dan '*Malaysia Boleh*' (Mustafa K Anuar, 2015). Zunar juga menerbitkan kartun

secara online melalui media sosial dan Malaysia Kini.

v. Terbitan Kartun Bersama Kumpulan Kartunis Independent (KKI)

Zunar merekrut bakat baru dan lama dalam bidang kartun serta menubuhkan Kumpulan Kartunis Independent (KKI) bagi memperjuangkan isu-isu rakyat marhaen dalam bentuk penerbitan majalah kartun politik.



Gambar 3 : Isu Dalam Kartun Vol 2/2010 & Perak Darul Kartun 2009.

Berikut adalah majalah yang diterbitkan oleh Zunar bersama KKI:

- i. Gedung kartun (September 2009)
- ii. Isu dalam kartun (vol. 1: Feb 2010)
- iii. Isu dalam Kartun (vol. 2: 2010)
- iv. Isu dalam Kartun (vol. 3 : Sept 2012)
- v. Perak darul kartun (Disember 2009)

Walaupun penerbitan majalah-majalah tersebut mendapat permit kelulusan dari pihak berkuasa namun setelah diterbitkan dan dijual, kesemua majalah tersebut diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).

vi. Koleksi Karya Solo Zunar

Selain menerbitkan karya bersama Kumpulan Kartunis Independent (KKI), Zunar juga turut menerbitkan beberapa buah buku kartun solo yang bertemakan politik Malaysia.

Senarai Penerbitan Buku Kartun Zunar Selepas Reformasi sepanjang tahun 1999-2018, ialah:

1. *Kroni Mania (Jun 1999) – Solo*
2. *Keranamu Hidung (1999) - Solo*
3. *Gedung Kartun (1 September 2009-Vol 1) – Kompilasi*
4. *Perak Darul Kartun (2009) - Kompilasi*
5. *1 Funny Malaysia (Nov 2009) - Solo*
6. *Isu Dalam Kartun (Vol:1 - Febuari 2010) – Kompilasi*
7. *Isu Dalam Kartun (Vol:2 - Mac 2010) – Kompilasi*
8. *Isu Dalam Kartun (Vol:3 - Mei 2010) – Kompilasi*
9. *Even My Pen Has A Stand (Oct 2010) - Solo*
10. *Hikayat Lembu-Lembu Kondo (2012) – Kompilasi*
11. *1 Moolaysia (Mac 2012) – Solo*
12. *Hikayat Pak Monggol & Scorpene (Oct 2012) – Solo*
13. *Lawak & Lawan (Dis 2012) – Solo*
14. *Ini-Kartun-Lah (April 2013) - Solo*
15. *Pirates of Carry-BN (Nov 2013) - Solo*
16. *Komplot Penjarakan Anwar (2014) - Solo*
17. *Steal Wars : The Teruk One (2015) - Solo*
18. *Sapuman: Man Of Steel (2015) – Solo*

19. *Ros in Kangkong Land (2015) – Solo*
20. *Wasabi (Wa Sapu Bersih) (2016)-Solo*
21. *Twit Twit Cincin (2017) - Solo*
22. *Ketawa Pink Pink (Mac 2018) – Solo*

Anugerah Yang Diterima Oleh Zunar

Kartunis Zunar sangat komited dalam penghasilan karya-karya kartunnya. Keberanian beliau mengengahkan isu-isu hangat dengan pendekatan yang begitu artistik telah membolehkan beliau menerima anugerah “Courage in Editorial Cartoon” dari rangkaian Hak Asasi Kartunis Antarabangsa, Wellington DC pada tahun 2011 (Nur Hanim, 2012). Tambahan lagi, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menganugerahkan beberapa anugerah kepada Zunar, antaranya ialah:

1. Courage in Editorial Cartooning Award by Cartoonist Right Network International (2011)
2. Human Rights Watch Helman/Hammet Award (2011)
3. Courage to Fight Censorship Award in Bilbao, Spain (2011)
4. International Press Freedom Award, Committee to Protect Journalist, New York (2015)
5. Cartooning for Peace Award Geneva, presented by Kofi Annan (2016)

Zunar merupakan antara kartunis yang sangat peka situasi politik tempatan dan sentiasa bertindak-balas terhadap apa jua isu semasa berkaitan sosio-budaya dan sosio-politik melalui lukisan kartun. Mata penanya yang melukiskan ekspresi jiwa dan pandangannya terhadap isu-isu semasa tampak lebih tajam daripada mata pedang. Atas

dasar hak kebebasan berkarya, maka Zunar memperjuangkan prinsipnya secara komited sehingga mendapat perhatian dan penghargaan anugerah antarabangsa. Apabila ditanya, apakah prinsip berkarya beliau, Zunar tetap mempertahankan kata-katanya dari dulu hingga sekarang iaitu, "Bakat bukan anugerah, tapi adalah satu tanggungjawab (Zunar, 17 April 2018).

Kesimpulan

Zunar menyalurkan segala ketidakpuasan hati beliau melalui lukisan kartun yang bertemakan penentangan terhadap kerajaan pada masa itu sejak 1998. Pendirian beliau yang tegas dan berani berfokus kepada pemimpin dan permasalahan sosio-politik negara turut menyedarkan masyarakat terhadap keadilan dan perjuangan untuk pelbagai kebebasan; kebebasan mengeluarkan pendapat, kebebasan bersuara, bebas berjuang untuk masyarakat yang adil, berjuang untuk membentuk sebuah kerajaan yang telus dan berjuang untuk sebuah ketelusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang bebas daripada campur tangan politik (Mariam, 2013).

Dengan kematangan berkarya lebih daripada 5 dekad, kartunis Zunar berjaya mengharungi suka duka dan liku-liku perjalanan sebagai seorang kartunis politik dan mampu berdepan dengan pelbagai cabaran dan rintangan daripada pelbagai pihak. Kebanyakan kartun politiknya menjurus kepada sindiran, dan kritikan sinis yang menyelar tokoh politik yang korupsi atau kleptokrasi. Walaupun karyanya dianggap biadap dan keterlaluan, namun Zunar tetap dengan prinsip perjuangan bagi membicarakan kepincangan dalam sistem politik di Malaysia dalam bentuk kartun.

Bibliografi

- Amir, M. (2014). *1 Funny Malaysia*. Kuala Lumpur:IniBooks.
- C, C. Tony.(2005). *How to Self Publish Your Own Book*. New York: Watson Guptill Publications.
- Clare, R. (2013). *Zunar 1, Najib 0*. Kuala Lumpur:Kini Books.
- Edmund, B. F. (1994). *Practical Art Criticism*. New Jersey: Prentice Hall.
- Mariam, M. (2013). *Perjalanan Bahaya Zunar di Perairan Lanun*.
- Mike, C.& McLoughin, C. (2006). *Create Your own Graphic Novel*. ILEX West Street, Lewess East Susset United Kingdom: The Old Candlemakers.
- Mohd, J. A. H. (2013). *Falsafah dan Kritikan Seni*.Tanjong Malim, Perak: Penerbit UPSI.
- Muliyadi, M. (2004). *The History of Malay Editorial Cartoons (1930s-1993)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Muliyadi, M. (2010). *Kartun Editorial Melayu Sejak 1990*.Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UiTM.
- Muliyadi, M. (2010). *Dunia Kartun: Menyingkap Pelbagai Aspek Seni Kartun Dunia dan Tempatan*. Kuala Lumpur:Creative Enterprise Sdn. Bhd.
- Muliyadi, M. (2015). *Kartun dan Kartunis di Malaysia*.Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Roger, S. (2005). *Comics, Comix & Graphic Novels*. Phaidon Press Inc.

Rossem. (2017). *100 Kartun & Pelukis Komik Malaysia*. Kelantan: Balai Kartun Rossem.

Zulkiflee, S. M. A. H. (1999). *Kroni Mania!*. Kuala Lumpur: Penerbitan Muttaqin Sdn. Bhd.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2011). *Even My Pen Has a Stand*. Kuala Lumpur: IniBooks.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2012). *Lawak & Lawan (Fun & Fight)*. Kuala Lumpur: Ranuza Enterprise.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2012). *1 Moolaysia*. Kuala Lumpur: Anillusca Ideas.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2012). *Hikayat Pak Monggol & Scorpene*. Kuala Lumpur: Suara Inisiatif (SUARAM) Sdn. Bhd.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2013). *Pirates of Carry-BN*. Kuala Lumpur: Ranuza Enterprise.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2013). *Ini Kartun-Lah!*. Kuala Lumpur: Ranuza Enterprise.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2013). *Hikayat Lembu-lembu Kondo*. Kuala Lumpur : Segmen Fleksible Sdn. Bhd.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2014). *1 Funny Malaysia*. Kuala Lumpur: IniBooks.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2014). (2014). *The Conspiracy to Imprison Anwar*. Kuala Lumpur: RanuzaEnterprise.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2014). (2014). *Komplot Penjarakan Anwar*. Kuala Lumpur: RanuzaEnterprise.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2014). (2015). *Ros in Kangkung in Kangkung Land*. Kuala Lumpur: RanuzaEnterprise.

Zulkiflee, S. M. A. H. (2014). (2018). *Ketawa Pink-pink*. Kuala Lumpur: RanuzaEnterprise.

Menghayati Zunar
<https://newnaratif.com/journalism/menghayati-karya-kartun-zunar/>, April 2018
Zunar terima Anugerah International Editorial Cartoons Prizes (Mei 2016),
<https://aliran.com/civil-society-voices/2016-civil-society-voices/zunar-terima-anugerah-2016-international-editorial-cartoons-prize/>




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Seni Lukis
& Seni Reka



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

ISSN 2637-0115



9 772637 011001